

TAJUK PROGRAM

SAYANGI KOMODITI

BUAL BICARA LATIHAN DAN KERJAYA SEKTOR KOMODITI DI SEKOLAH-SEKOLAH ZON SEMENANJUNG, SABAH DAN SARAWAK

Pengenalan

Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) telah ditubuhkan sebagai sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC). Objektif utama penubuhan IMPAC adalah untuk menjadi institut latihan induk sektor perladangan dan komoditi dengan menyelaraskan semua kursus dan latihan setiap agensi iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Lada Malaysia (MPB) dan Lembaga Kenaf & Tembakau Negara (LKTN).

Sebagai institusi latihan induk sektor perladangan dan komoditi, IMPAC telah dilantik sebagai Badan Peneraju Industri (*Industry Lead Body* (ILB)) oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang diberi bertanggungjawab dalam merangka, memperkasa dan menghebahkan program latihan kemahiran dalam sektor perladangan dan komoditi mengikut kehendak pasaran semasa oleh pihak industri selaras dengan transformasi latihan kemahiran dalam pembangunan modal insan negara.

SAYANGI KOMODITI

Program bual bicara latihan dan kerjaya di sektor komoditi bertujuan menghebahkan keperluan guna tenaga di sektor perladangan dan komoditi dengan menggalakkan lepasan sekolah/belia menceburi latihan dan kerjaya sebagai pilihan kerjaya masa depan.

Dalam menjayakan program Sayangi Komoditi, IMPAC dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran, (JPK) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan membuat program:

- ❖ Bual bicara di sekolah terpilih di zon Semenanjung, Sabah dan Sarawak
- ❖ Pameran kerjaya di sektor perladangan dan komoditi yang melibatkan 6 agensi di bawah Kementerian Industri Utama
- ❖ Pameran latihan melibatkan kaedah Pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran

Objektif

- ❖ Hebahan keperluan guna tenaga di sektor perladangan dan komoditi
- ❖ Hebahan peluang latihan dan kerjaya di sektor perladangan dan komoditi
- ❖ Hebahan bagi menggalakkan belia menceburi bidang latihan dan kerjaya di sektor perladangan dan komoditi
- ❖ Hebahan kelebihan kerjaya di sektor perladangan dan komoditi

Sasaran Peserta

- ❖ Pelajar-pelajar sekolah menengah yang akan menamatkan sesi persekolahan (sasaran pelajar tingkatan 3,4,5 dan 6)
- ❖ Belia dan beliawanis yang berminat mengikuti latihan dan kerjaya di sektor perladangan dan komoditi
- ❖ Pihak pengurusan industri di sektor perladangan dan komoditi

Cadangan Tempat

Bil	Cadangan Tempat	Cadangan Tarikh	Catatan
Semenanjung			
1	Sekolah Menengah Kebangsaan Selancar, Rompin, Pahang	15 Ogos 2018	Telah dilaksanakan
Sabah			
2	Sekolah Menengah Kebangsaan Silabukan, Lahad Datu, Sabah	24 Oktober 2018	Penerangan Lengkap di Lampiran
Sarawak			
3	TBC	TBC	

Cadangan Tajuk Bual Bicara

Program bual bicara melibatkan tujuh (7) panel penceramah yang akan memberi informasi mengikut sub sektor komoditi dan informasi latihan kemahiran oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran. Program ini diadakan secara santai yang menfokuskan peluang latihan dan kerjaya di sektor perladangan dan komoditi dengan menggalakkan belia menjadikan sektor perladangan dan komoditi sebagai pilihan kerjaya masa depan.

Atur cara program adalah seperti jadual di bawah:

SAYANGI KOMODITI

Rabu 1 24 Oktober 2018 | 7.00 Pagi – 4.00 Petang

SMK Silabukan, Lahad Datu, Sabah

SAYANGI KOMODITI	
Masa	Perkara
7.00 – 8.00 pagi	Pendaftaran Pelajar Sekolah
8.00 – 8.15 pagi	Pengenalan Bual Bicara Latihan dan Kerjaya Sektor Komoditi (IMPAC)
8.15 – 8.45 pagi	Sesi 1 Komoditi Sawit : (MPOB) Perkongsian Kejayaan Lepas Kursus Operasi Mekanisasi Ladang (KOML)
8.45 – 9.15 pagi	Sesi 2 Komoditi Getah: (LGM) Peluang Latihan dan Kerjaya dalam Industri Getah
9.15 – 10.00 pagi	Rehat/Minum Pagi/Lawatan Pameran
10.00 – 10.30 pagi	Sesi 3 Komoditi Perkayuan: (MTIB) Peluang Latihan Kemahiran di WISDEC
10.30 – 11.00 pagi	Sesi 4 Komoditi Koko: (LKM) Penerangan dan Demontrasi Pembuatan Coklat
11.00 – 11.30 pagi	Sesi 5 Komoditi Lada: (MPB) Kepentingan dan Sumbangan Industri Lada
11.30 – 1.00 petang	Jamuan Tengahari/Lawatan Pameran
1.00 – 1.30 petang	Sesi 6 Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SKM) Melahirkan Tenaga Kerja Mahir Negara (JPK)
1.30 – 2.00 petang	Sesi 7 Program Latihan Kemahiran Kolej Vokasional Lahad Datu Kementerian Pendidikan Malaysia
2.00 - 2.30 petang	Persediaan Majlis Perasmian - Ketibaan Tetamu Kehormat
2.30 – 2.40 petang	Ucapan Aluan oleh YBrs En Zamri Bin Hj Pehakan Pegawai Pendidikan Daerah Lahad Datu
2.40 – 3.00 petang	Ucapan Perasmian oleh YB Datuk Seri Shamsul Iskandar Bin Mohd Akin Timbalan Menteri Industri Utama
3.00 petang	Lawatan ke Pameran
4.00 petang	Jamuan Ringan/Bersurai

Sasaran Peserta

- ❖ Peserta adalah pelajar sekolah tingkatan 3,4,5 dan 6 yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah menengah dalam negeri/daerah mengikut zon program
- ❖ Anggaran jumlah peserta adalah seramai 700 – 1000 orang
- ❖ Kos pengangkutan akan disediakan untuk membawa pelajar-pelajar daripada sekolah terpilih dengan purata 40 pelajar setiap sekolah

Bayaran/Yuran Seminar

Program bual bicara dibuat secara **PERCUMA** (menggunakan peruntukan yang diluluskan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia). Para peserta yang mengikuti seminar akan diberikan sijil penyertaan. Penyediaan hi-tea atau makan tengah hari selepas tamat program juga akan disediakan kepada semua peserta.

SAYANGI KOMODITI Zon Sabah

Bagi Zon Sabah, sekolah yang dipilih sebagai tempat program adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Silabukan, Lahad Datu, Sabah. Program ini melibatkan semua sekolah menengah dalam daerah Lahad Datu iaitu sepuluh buah sekolah termasuk Kolej Vokasional Lahad Datu. Jemputan juga dibuat kepada kolej –kolej/pusat-pusat kemahiran yang ada di sekitar Lahad Datu. Sekolah-sekolah terlibat adalah seperti berikut:-

- i. SMK Silabukan Lahad Datu (*tuan rumah*)
- ii. SMK Segama Lahad Datu
- iii. SMK Tungku Lahad Datu
- iv. SMK Terusan Lahad Datu
- v. SMK Desa Kencana Lahad Datu
- vi. SMK Sepagaya Lahad Datu
- vii. SMK Sains Lahad Datu
- viii. SM St Dominic Lahad Datu
- ix. SMK Agaseh Lahad Datu
- x. Kolej Vokasional Lahad Datu

Pengisian program adalah:-

1. Program Ceramah

- i. Ceramah latihan dan kerjaya sektor komoditi yang disampaikan oleh setiap agensi Kementerian Industri Utama
- ii. Ceramah Latihan Kemahiran oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia
- iii. Ceramah Latihan Kemahiran Kolej Vokasional Lahad Datu, Kementerian Pendidikan Malaysia

2. Pameran

- i. Pameran setiap agensi Kementerian Industri Utama
- ii. Pameran oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran
- iii. Pameran komuniti setempat




Sekolah Menengah Kebangsaan Silabukan, Lahad Datu, Sabah sebagai tempat program 'Sayangi Komoditi' pada 24 Oktober 2018

Plan Kawasan Aktiviti
SAYANGI KOMODITI
 SMK Silabukan Lahad Datu Sabah



Layout
SAYANGI KOMODITI
 SMK Silabukan Lahad Datu Sabah



Dewan Ceramah



Cendol Sawit

